



KANGAR 12 Oktober -Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menjadi tuan rumah Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan Edisi Ke-6 baru-baru ini.

Sebanyak 11 kumpulan dari 10 universiti menyertai pertandingan yang berlangsung selama dua hari itu. Daripada 11 universiti, hanya enam daripadanya berjaya ke pusingan akhir, iaitu, UniMAP, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Nahwan Nur dari UPM mengekalkan kejuaraan kali keempat berturut-turut dalam pertandingan yang diadakan di Dewan Kapitoul UniMAP. Kumpulan yang menyampaikan lagu Wacana Medeka dan Duka di Tanah Gersang itu, membawa pulang piala pusingan, wang tunai berjumlah RM 2,500, piala irangan, hamper dan sijil penyertaan.

Lebih manis lagi, Nahwan Nur turut dinobatkan pemenang bagi kategori persembahan terbaik dan memperolehi wang tunai sebanyak RM500 dan hamper.

Tempat kedua dimenangi Intracksee dari USIM yang membawakan lagu, Cinta Sang Pecinta dan Bisik Nostalgia. USIM membawa pulang wang tunai RM2,000, piala irangan, hamper dan sijil penyertaan.

UniMAP TUAN RUMAH FESTIVAL NASYID KEBANGSAAN

Manakala tempat ketiga dimenangi tuan rumah, In-shoff dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang menyampaikan lagu Amanah Petiwi dan 1Malaysia dan memperolehi wang tunai RM1,500, piala irangan, hamper dan sijil penyertaan.

Hadiah disampaikan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Dalam ucapannya Dato' Dr. Kamarudin berkata, Festival Nasyid Kemerdekaan merupakan satu platform untuk memupuk semangat jatidiri dan perpaduan di kalangan mahasiswa demi memastikan kemerdekaan ini terus dinikmati anak cucu kita pada masa hadapan.

"Kita semua, termasuk saya sendiri tidak pernah merasai kesusahan dan keperitan yang dilalui pejuang-pejuang kemerdekaan sebelum ini. Kejayaan mereka memerdekakan negara adalah hasil dari perpaduan dan kerjasama dari semua kaum di negara ini.

Di sini kita dapat melalui pertandingan seperti ini, kita dapat mengeratkan hubungan dan membentuk semangat perpaduan di kalangan mahasiswa," katanya ketika berucap pada Perasmian Penutup Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan, semalam.